

02 DEC 1999

Ghani-Exco

EXCO KERAJAAN NEGERI JOHOR TERDIRI DARIPADA 10 ORANG

JOHOR BAHRU, 2 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata barisan Exco Kerajaan Negeri Johor yang baru ditambah daripada lapan kepada 10 orang dan akan dianggotai banyak muka baru.

Beliau berkata pertambahan anggota Exco itu adalah selaras dengan pindaan kepada peruntukan perlembagaan negeri.

"Saya akan berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin ini untuk mendapatkan keputusannya mengenai penubuhan kerajaan negeri Johor selepas kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum Isnin lepas.

Abdul Ghani berkata beliau akan mencadangkan 10 nama iaitu kombinasi antara parti komponen BN bagi jawatan Exco kepada Dr Mahathir untuk dipersetujui.

Katanya yang pasti ialah terdapat muka-muka baru kerana ada anggota Exco sebelum ini tidak bertanding dan ada pula yang bertukar ke kerusi parlimen.

Yang tidak bertanding pada pilihan raya umum kali ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Datuk Sabariah Ahmad.

Tiga orang yang bertukar ke kerusi parlimen ialah Dr Abdul Latiff Ahmad (Pengerusi Kebudayaan, Belia dan Sukan), Datuk Abdul Kadir Annuar (Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam) dan Speaker Datuk Ali Hassan.

Dr Abdul Latiff ialah anggota parlimen kawasan Mersing, Abdul Kadir anggota parlimen Pulai dan Ali anggota parlimen Tebrau.

Ketika ditanya sama ada MIC termasuk dalam kombinasi itu, Abdul Ghani berkata terpulanglah kepada Perdana Menteri untuk menentukannya.

"Saya akan maklumkan bahawa tidak ada calon MIC sebagai Exco selama dua penggal yang lepas dan masyarakat India telah memberikan sokongan yang kuat kepada BN pada pilihan raya umum," katanya.

Dua calon MIC yang bertanding pada pilihan raya umum Isnin lepas ialah Datuk K.S.Balakrishnan (Pasir Gudang) dan S.Krishnasamy (Tenggaroh).

Pada pilihan raya umum yang lalu, BN mengulangi kejayaan yang dicapai pada 1995 dengan memenangi kesemua 20 kerusi parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri di Johor.

Abdul Ghani berkata majlis mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar dan para anggota Exco akan berlangsung minggu depan selepas mendapat perkenan Sultan Johor.

Katanya, pengalaman dan kepakaran ialah antara kriteria untuk memilih anggota Exco.

Abdul Ghani juga berkata penekanan kali ini akan diberikan kepada sektor pembangunan usahawan, perindustrian serta perkhidmatan dan portfolio mengenainya mungkin diwujudkan.

-- BERNAMA

MKO AKD